

Orang desa Kemboja mula dibantu

OLEH
CHAIRUL FAHMY HUSSAINI
DARI KAMPUNG CHAM (KEMBOJA)

PARA penduduk di wilayah Kampung Cham, Kemboja, kini mula dapat merasakan kemudahan-kemudahan asas yang telah dibangunkan oleh 61 belia Sekretariat Belia Islam (YMS).

Sejak ketibaan Ekspedisi Bantuan Kemboja 2001 yang dianjurkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) di wilayah

tersebut pada 4 Jun lalu, para belia YMS telah menyelesaikan kerja-kerja pembaikan dan pembangunan kemudahan awam seperti dewan serba guna, sekolah rendah dan tiga perigi.

Pegawai Perhubungan Awam Projek Ekspedisi itu, Cik Nor Hidayah Mohd Amin, berkata sehingga semalam, seramai 800 penduduk kampung juga dapat memanfaatkan sesi pemeriksaan kesihatan yang diadakan.

"Kami juga telah memberi

sumbangan fidyah kepada sembilan penduduk kampung. Selain bahan makanan asas, mereka juga diberi baju-baju terpakai untuk kegunaan seharian.

"Namun cuaca di sini agak panas sehingga mencapai 42 darjah Celsius," ujarnya.

Seorang peserta perempuan berusia 17 tahun dihantar pulang kelmarin setelah tidak dapat menyesuaikan diri dengan cuaca panas.

"Ibu bapa tidak perlu risau

kerana ada dua doktor dan empat jururawat dalam ekspedisi ini," kata Cik Nor Hidayah.

Ekspedisi itu usaha pertama Muis dalam menjalankan usaha bantuan kemanusiaan.

Ia mendapat sokongan Yayasan Antarabangsa Singapura (SIF) menerusi geran \$87,000 yang disumbangkan untuk projek tersebut.

Para belia ekspedisi itu — berusia 16 hingga 28 tahun — dijangka pulang 17 Jun ini.